

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** Unit Komunikasi Korporat  
**Sent:** Tuesday, October 9, 2018 4:04 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** Sesi Perkongsian Ilmu Perkenal Mahasiswa Kepada IDFR, Karier Bidang Diplomasi



**Unit Komunikasi Korporat**  
CORPORATE COMMUNICATION UNIT  
**Universiti Utara Malaysia**

9 OKTOBER 2018 / 29 MUHARAM 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Aina Syamimi Che Hassan  
Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

### SESI PERKONGSIAN ILMU PERKENAL MAHASISWA KEPADA IDFR, KARIER BIDANG DIPLOMASI



**UUM ONLINE:** Bagi memberi pendedahan tentang kerjaya dalam bidang diplomatik dan hubungan antarabangsa, Pusat Pengajian Antarabangsa (SoIS) melalui SoIS Asian Institute of International Affairs and Diplomacy (AIAD) telah menganjurkan sesi perkongsian ilmu, Career Development Talk di Auditorium SoIS baru-baru ini.

Sesi perkongsian ilmu ini dianjurkan bersempena program Diploma in Diplomacy (DiD) hasil usahasama antara SoIS dan Institut Diplomasi & Hubungan Luar Negeri (IDFR), Kementerian Luar Negeri.

Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) ini melibatkan 16 orang Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) bersama empat pegawai pengiring daripada IDFR diketuai Ketua Pengarahnya, Datuk Mohamad Sadik Kethergany.

"IDFR adalah pusat latihan dan penyelidikan antarabangsa dalam hubungan diplomasi dan hubungan antarabangsa. Sesi hari ini bertujuan berkongsi ilmu tentang bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa sebagai persediaan untuk pelajar memulakan kerjaya diplomatik," kata Datuk Muhammad Sadik Kethergany dalam ucapannya.

Empat pegawai PTD, Muhammad Muhaimin Rasidi, Syarifah Jamiatul Amira Syed Mansor, Farah Syafina Bahari dan Sarah Zahira Ruhama berkongsi ilmu dan pengetahuan mengenai bidang diplomatik dan hubungan antarabangsa dengan mahasiswa UUM yang hadir pada program itu.

Pegawai PTD, Syarifah Jamiatul Amira berkata pelajar perlu mempunyai daya tahan diri yang tinggi untuk menjadi pegawai tadbir diplomatik kerana beban kerja sebagai seorang pegawai diplomatik adalah sangat mencabar, tidak dapat dijangka dan mencabar pada masa yang sama.

"Biasanya tugas yang diberikan adalah di luar kemampuan diri sendiri. Jadi, amat penting bagi seseorang itu untuk bersedia dalam apa jua keadaan agar dapat menyelesaikan tugas yang diamanahkan," katanya.

Sementara itu, Farah Syafina Bahari pula berkata individu yang ingin menyertai IDFR perlu banyak membaca dan mengambil tahu akan isu-isu semasa terutamanya isu-isu berkenaan dasar luar Malaysia.

"Amat penting untuk seseorang itu mempunyai ilmu pengetahuan yang luas agar dapat mengikuti perkembangan sejarah atau isu-isu semasa. Individu tersebut juga perlu menyemai rasa ingin tahu dalam diri masing-masing agar dapat terus belajar dan melaksanakan tugas dengan baik," ujarnya

Mahasiswa yang hadir pada program itu juga didedahkan mengenai cara-cara menyertai IDFR. Hadir sama Pengarah AIIAD, Prof. Madya Dr. Muhammad Muda.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.